

## KAEDAH PELAKSANAAN PELESENAN PRODUK PENYEDIAAN PRACAMPURAN

### 1. Pendahuluan

- 1.1 Mulai 1 Januari 2023, pengenaan duti eksais ke atas produk penyediaan pracampuran yang tertakluk di bawah kod tarif yang telah disenaraikan di dalam Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2022 ke atas pengimportan dan pengilangan tempatan.
- 1.2 Duti eksais ke atas produk penyediaan pracampuran dikenakan ke atas produk yang melebihi nilai ambang jumlah kandungan gula yang ditetapkan.
- 1.3 Pengilang-pengilang tempatan yang terlibat perlu dilesenkan di bawah Seksyen 20 dan 25 Akta Eksais 1976.
- 1.4 Berikut merupakan maklumat ringkas berkaitan produk penyediaan pracampuran.

Kepala Kod Tarif	Kategori	Nilai Ambang Jumlah Kandungan Gula	Kadar Duti Eksais	Contoh
1806	<i>Chocolate and other food preparations containing cocoa.</i>	Melebihi 33.3g / 100g	RM 0.47 / 100g	minuman coklat 3 dalam 1
1901	<i>Malt extract; food preparations of flour, groats, meal, starch or malt extract, not containing cocoa or containing less than 40% by weight of cocoa calculated on a totally defatted basis, not elsewhere specified or included; food preparations of goods of headings 04.01 to 04.04, not containing cocoa or containing less than 5% by weight of cocoa calculated on a totally defatted basis, not elsewhere specified or included.</i>	Melebihi 33.3g / 100g	RM 0.47 / 100g	minuman malt 3 dalam 1, minuman susu kambing 3 dalam 1, whipping/ cooking cream, dan barista milk berasaskan soya
2101	<i>Extracts, essences and concentrates, of coffee, tea or maté, and preparations with a basis of these products or with a basis of coffee, tea or maté; roasted chicory and other roasted coffee substitutes, and extracts, essences and concentrates thereof.</i>	Melebihi 33.3g / 100g	RM 0.47 / 100g	Minuman kopi 3 dalam 1, set serbuk teh & gula berasingan

2106	<i>Food preparations not elsewhere specified or included.</i>	Melebihi 33.3g / 100g	RM 0.47 / 100g	Campuran serbuk teh ginseng bergula
------	---	-----------------------------	----------------	--

- 1.5 Maklumat lanjut berkaitan produk penyediaan pracampuran boleh didapati di dalam Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2022 P.U.(A) 287/2022 dan boleh dirujuk pada Bahagian Perkhidmatan Teknik JKDM Negeri (Cawangan Klasifikasi, Tarif dan Gubalan).
- 1.6 Pengecualian Duti Eksais boleh dirujuk di dalam Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan) 2022 P.U.(A) 288/2022.
- 1.6.1 Butiran 41 (a) – Pengecualian duti eksais bagi produk penyediaan pracampuran dengan jumlah kandungan gula bersamaan atau di bawah nilai ambang;
- 1.6.2 Butiran 41 (b) – Pengecualian duti eksais ke atas pembelian import / dari pengilang tempatan ke atas produk penyediaan pracampuran susu formula bayi (sehingga 12 bulan);
- 1.6.3 Butiran 41 (c) – Pengecualian duti eksais ke atas pembelian import / dari pengilang tempatan ke atas produk penyediaan pracampuran susu formula bayi (dari 12 bulan sehingga 9 tahun);
- 1.6.4 Butiran 42 – Pengecualian duti eksais ke atas pembelian produk penyediaan pracampuran oleh pengilang berlesen eksais untuk tujuan pembungkusan bagi jualan runcit.
- 1.7 Pengecualian daripada pelesenan lesen eksais adalah seperti di dalam Perintah Eksais (Pengecualian Daripada Pelesenan)(Pindaan) 2022 P.U.(A) 289/2022.
- 1.8 Semua pengilang tempatan termasuk yang telah dilesenkan di bawah Seksyen 20 dan 25 Akta Eksais 1976 bagi barangan berduti yang lain, perlu membuat permohonan lesen baharu bagi pengilangan produk penyediaan pracampuran.
- 1.9 Pegawai yang hak boleh pada bila-bila masa, mengambil sampel produk untuk tujuan pengesahan jumlah kandungan gula dalam situasi berikut :
- 1.9.1 Menentukan laporan makmal yang dikemukakan untuk tujuan pengecualian;
- 1.9.2 Terdapat keraguan berkaitan maklumat jumlah kandungan gula yang diikrarkan;
- 1.9.3 Terdapat keraguan berkaitan maklumat jumlah kandungan gula yang tercatat pada label produk tersebut;
- 1.9.4 Tiada maklumat berkaitan jumlah kandungan gula pada label produk tersebut.
- 1.10 Penentuan jumlah kandungan gula adalah berdasarkan label produk atau/dan laporan analisa jumlah kandungan gula yang disahkan oleh makmal-makmal yang telah diakreditasikan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM).

- 1.11 Bagi tujuan pengimportan produk penyediaan pracampuran dengan kandungan gula di bawah nilai ambang, laporan analisa jumlah kandungan gula yang disahkan oleh *Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC)* atau *International Laboratory Accreditation Cooperation Mutual Recognition Arrangement (ILAC MRA)* juga diterima.
- 1.12 Senarai- senarai makmal-makmal yang telah diakreditasi oleh JSM boleh didapati melalui portal rasmi JSM iaitu (<https://www.jsm.gov.my/accredited-organisation-directories>)

## 2. Tatacara Pelesenan

### Tatacara Permohonan Lesen

- 2.1. Syarikat hendaklah memohon lesen eksais di stesen JKDM di mana premis pengilangan/penggudangan berada.
- 2.2. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:
  - 2.2.1. Surat permohonan rasmi daripada syarikat;
  - 2.2.2. Borang JKDM No. 1 (seperti di Lampiran C) yang lengkap diisi;
  - 2.2.3. Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Syarikat di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan;
  - 2.2.4. Salinan lesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
  - 2.2.5. Surat kelulusan dari MIDA (jika ada);
  - 2.2.6. Carta organisasi syarikat/perniagaan;
  - 2.2.7. *Memorandum And Articles of Association*;
  - 2.2.8. Pelan premis pemegang lesen;
  - 2.2.9. Senarai bahan mentah (seperti di Lampiran D);
  - 2.2.10. Senarai barang siap (seperti di Lampiran E);
  - 2.2.11. Laporan makmal dari makmal-makmal yang telah diakreditasi oleh JSM bagi setiap jenis barang siap yang di bawah nilai ambang (jika ada);
  - 2.2.12. Baki stok bahan mentah dan barang siap sebelum tarikh kuat kuasa;
  - 2.2.13. Senarai mesin dan peralatan (seperti di Lampiran F);
  - 2.2.14. Carta alir proses pengilangan;

- 2.2.15. Ratio penggunaan (nisbah input:output) bahan mentah:barang siap (seperti di Lampiran G); dan
  - 2.2.16. Kapasiti pengeluaran setahun (seperti di Lampiran H).
  - 2.2.17. Pengilang berlesen dan pemegang lesen perlu mematuhi tanggungjawab seperti di Lampiran B.
- 2.3. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Pegawai yang hak di mana premis pengilangan berada.
  - 2.4. Bayaran lesen mengilang produk penyediaan pracampuran untuk pengilang berlesen di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 adalah sebanyak RM200.00 setahun.
  - 2.5. Bayaran lesen menggudang produk penyediaan pracampuran untuk pemegang lesen di bawah Seksyen 25 Akta Eksais 1976 adalah sebanyak RM2,400.00 setahun.
  - 2.6. Jaminan Bank hendaklah disediakan oleh pengilang berlesen dan pemegang lesen berdasarkan 15% daripada jumlah purata bulanan bagi tempoh setahun ke atas duti eksais yang dikira ke atas keluaran barang yang di kilang dalam premis yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 .
  - 2.7. Lesen berserta dengan syarat-syarat lesen akan dikeluarkan setelah jaminan bank dan bayaran fi lesen dijelaskan dalam tempoh yang diberikan. Syarat-syarat tersebut hendaklah difahami dan ditandatangani oleh pemilik syarikat, pengarah urusan, setiausaha syarikat atau wakil syarikat yang sah dengan disaksikan oleh pegawai yang hak. Wakil pengilang berlesen dan pemegang lesen mesti mempunyai surat lantikan yang sah oleh syarikat.

**TANGGUNGJAWAB PENGILANG BERLESEN DAN PEMEGANG LESEN**

1. Mematuhi arahan dan syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
2. Membayar kekurangan duti yang terkurang pungut, jika ada.
3. Pengilang berlesen dan pemegang lesen dikehendaki mematuhi, menyediakan, menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod penuh dan benar berkaitan perkara berikut:
  - a. Bahan-bahan mentah dan barang-barang lain yang digunakan dalam pengilangan berlesen yang diterima, digunakan dalam pengilangan berlesen dan baki yang disimpan dalam stor;
  - b. Keluaran separa-siap atau sebahagiannya telah siap dalam pengilangan berlesen;
  - c. Menyelenggara satu Sistem Perakaunan yang teratur;
  - d. Sisa-sisa keluaran;
  - e. Dokumen-dokumen pengecualian;
  - f. Dokumen-dokumen pengikraran Kastam dan Eksais; dan
  - g. Keluaran barang siap yang dikilang, disimpan dan dipindahkan dari premis berlesen.
  - h. Pemegang lesen dikehendaki menghantar penyata bulanan kepada pegawai yang hak sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam tidak lewat daripada 10 hari bulan berikutnya.
4. Pengilang berlesen dan pemegang lesen hendaklah mematuhi, menyediakan, menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod penuh dan benar berkaitan perkara berikut:
  - a. Kuantiti dan deskripsi barang berduti yang diterima masuk dan yang dikeluarkan dari gudang berlesen;
  - b. Menyelenggara satu Sistem Perakaunan yang teratur; dan
  - c. Mengemukakan kepada pegawai yang hak penyata stok sebagaimana yang dikehendaki olehnya.
5. Pengilang berlesen dan pemegang lesen tidak boleh menyimpan barang selain barang berduti eksais di premis berlesen eksais tanpa kelulusan Pen. KPK/POP/PKN.
6. Pengilang berlesen dan pemegang lesen tidak boleh mengilang dan menyimpan barang selain barang berduti eksais di premis berlesen eksais tanpa kelulusan Pen. KPK/POP/PKN.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA/ ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT  
BORANG PERMOHONAN AM UNTUK LESEN/GENERAL APPLICATION FORM FOR LICENCE

JKDM No. 1

1. Kepala: Ketua Pengarah Kastam: To: The Director General of Customs		Kod stesen/Station Code		<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/FOR OFFICIAL USE</b>	
		6. Tarikh dan Waktu Terima Date and Time of Receipt		7. Nombor Rujukan Reference Number	
2. Pemohon (Nama dan Alamat Berdaftar Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan) Applicant (Name and Registered Address of Company/Business/Society)		No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan Registration of Company/Business/Society		8. Jenis Lesen Dipohon/Type of License Applied for:	
				(I) Akta Kastam 1967/Customs Act 1967: (a) Lesen Gudang/Warehouse Licence <input type="checkbox"/> Pangkah Mark(X) (b) Lesen Gudang Mengilang/Manufacturing Warehouse Licence <input type="checkbox"/> (c) Lesen Kedai Bebas Cukai/Duty Free Shop Licence <input type="checkbox"/> (d) Lesen Depot Pelepasan Pedalaman/Inland Clearance Depot Licence <input type="checkbox"/> (e) Lesen Pangkalan Bekalan Petroleum/ Petroleum Supply Base Licence <input type="checkbox"/>  (II) Akta Eksais 1976/Excise Act 1976: (a) Lesen Gudang/Warehouse Licence <input type="checkbox"/> (b) Lesen Mengilang/Manufacturing Licence <input type="checkbox"/> (c) Lesen Membotol dan Memindah Liquor Yang Memabukkan/Bottling and Movement of Intoxicating Liquors Licence <input type="checkbox"/>	
3. Alamat Penuh Perniagaan/Premis (jika berlainan dari di atas)  (Silakan gunakan ruang 24 di muka surat sebelah jika lebih dari satu) (Please use column 24 on reverse if more than one)				9. Dokumen Dilampirkan/Documents Attached:	
4. Tarikh dan Nombor Rujukan Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan Date and Reference No. of Company/Business/Society Registration				(a) Memorandum dan Perlembagaan/ Memorandum & Art of Assn. <input type="checkbox"/> (b) Sijil Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan/ Pertubuhan/ Company/ Business/ Society Registration Certificate <input type="checkbox"/> (c) Pelan-Pelan Cadangan/Proposed Plans <input type="checkbox"/> (d) Kelulusan dari Lain-lain Agensi Kerajaan/Approval from other Govt. Agencies <input type="checkbox"/> (e) Gambar Pemohon ukuran passport (dua keping)/Applicant's photograph passport size (two copies) <input type="checkbox"/> (f) Lain-lain (nyatakan)/Others (specify) <input type="checkbox"/>	
5. Tarikh atau Tarikh Jangkaan Permulaan Perniagaan/Pengilangan Date or Expected Date of Commencement of Business/Manufacture					
PERIHAL BARANG-BARANG/DESCRIPTION OF GOODS					
10. Bil. No.	11. Jenis Barang-Barang Type of Goods	12. Anggaran Perolehan Tahunan Estimated Annual Turnover	RM MYR	13. Anggaran Tahunan Butir/Cukai Kastam yang Kena Dibayar Estimated Annual Customs Duty/Tax Payable	RM MYR
Jika ruang tidak mencukupi, sila gunakan ruang 25 di muka surat sebelah./If space is insufficient, please use column 25 overleaf/					
14. Barang-barang akan dijual atau dipusikan selain daripada dengan dijual kepada/urutuk/ Goods to be sold or disposed of other than by sale to/for:		Pangkah Mark(X)		15. Tempoh perakaunan bulanan saya/syarikat saya/firma saya berakhir pada My/My company's/My firm's monthly accounting period end on the:	
(a) pasaran eksport 100%/100% export market <input type="checkbox"/> (b) pasaran tempatan sebahagian/part domestic market <input type="checkbox"/> (c) pasaran tempatan 100%/100% domestic market <input type="checkbox"/> (d) wakil tunggal tempatan/local sole agent <input type="checkbox"/> (e) anak syarikat tempatan/local subsidiary company <input type="checkbox"/> (f) syarikat-syarikat yang ada kepentingan faedah/keuangan beneficially/financially interested company <input type="checkbox"/> (g) lain-lain (nyatakan)/others (specify) <input type="checkbox"/>					
				<b>UNTUK KEGUNAAN RASMI/FOR OFFICIAL USE</b>	
16. Lesen ini dipohon untuk tempoh (nyatakan bilangan tahun)/ This licence is applied for the duration of (specify number of years)				21. Uraian/Syar Comment/Recommendation	
17. Dengan ini saya/kami memohon suatu lesen seperti ditandakan X dalam ruang 8 di atas dan mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah lengkap dan betul dan akan mematuhi segala peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan serta syarat-syarat yang dikenakan. I/We hereby apply for a licence as marked X in column 8 above and certify that the particulars stated in this application are complete and true and shall comply with all the relevant provisions of the laws and regulations as well as the conditions imposed.				22. Permohonan diluluskan/Tidak diluluskan* Application approved/not approved*	
Tarikh/Date  Tahun/Year Bulan/Month Hari/Day		Tandatangan Pemohon Signature of Applicant		Tarikh/Date  Tahun/Year Bulan/Month Hari/Day	
18. Nama Pemohon Name of Applicant				b.p. Ketua Pengarah Kastam, Malaysia For the Director General of Customs, Malaysia	
19. No. Kad Pengenal/Pasport Identity Card/Passport No.					
20. Jawatan Pemohon Applicant's Designation					

**BORANG PERMOHONAN AM UNTUK LESEN / GENERAL APPLICATION FORM FOR LICENCE**

JKDM No. 1

23. (Untuk perniagaan perkongsian sahaja) *(For partnership business only)					
Bil. No.	Nama Name	Alamat Pribadi Personal Address	Nombor Kad Pengenal/Pasport Identity Card/Passport No.	Kewarganegaraan Nationality	Tandatangan Signature
1.					
2.					
3.					
4.					
24. Alamat Penuh Perniagaan/Premis Full Address of Business/ Premise				Tarikh atau Tarikh jangkaan Permulaan Perniagaan/Pengilangan/Date or Expected Date of Commencement of Business/Manufacture	
25. PERIHAL BARANG-SARANG DAN/ATAU PERKHIDMATAN/DESCRIPTION OF GOODS AND/OR SERVICES					
10. Bil. No.	11. Jenis Barang-Barang Type of Goods	12. Anggaran Perolehan Tahunan Estimated Annual Turnover	RM MYR	13. Anggaran Tahunan Duti/Cukai Kuaran Yang Kena Dibayar Estimated Annual Customs Duty/Tax Payable	RM MYR
26. CATATAN/Notes					
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan lesen hendaklah dikemukakan kepada pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang menjaga daerah di mana perniagaan/premis yang akan dilisensikan itu terletak. /Application for licence shall be submitted to the senior officer of the Royal Malaysian Customs Department in charge of the district in which the business/premise to licensed is located.</li> <li>2. Dalam hal perniagaan perkongsian, semua rakan kongsi hendaklah menandatangani borang permohonan. /In the case of a partnership business, all partners are required to sign the application form.</li> <li>3. Bilangan salinan borang permohonan yang perlu dikemukakan adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. /Number of copies of the application form that are required to be submitted is as determine by the Director General.</li> </ol>					

**Senarai Bahan Mentah bagi Produk Penyediaan Pracampuran**

<b>Bil.</b>	<b>Deskripsi Bahan Mentah</b>

Saya mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Tandatangan :  
Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Tarikh :  
Cop Syarikat :



## Senarai Barang Siap Bagi Produk Penyediaan Pracampuran

Bil.	Deskripsi	Jenama	Isipadu (ml)	Anggaran Pengeluaran Tahunan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

Saya mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

## Senarai Mesin dan Peralatan

Bil.	Jenis Mesin / Manual	Jenama Mesin	Fungsi	Kapasiti Pengeluaran Mesin
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

Saya mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

## Ratio Penggunaan Bahan Mentah:Barang Siap

Bil.	Input (Bahan Mentah)	Output (Barang Siap)
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

Saya mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

**LAMPIRAN H**

**Kapasiti Pengeluaran**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Mesin / Manual</b>	<b>Kapasiti Pengeluaran Setahun</b>
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

Saya mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :